

Umno gagal kemuka alasan kukuh pecat baki 6 pemimpin, dedah sumber

Malaysian Insider

Nov 27, 2015

Oleh Md Izwan

Gagal kemuka alasan kukuh dan tidak sepakat punca Majlis Tertinggi (MT) Umno yang bertemu pada 24 November lalu tidak memecat 6 baki pemimpin parti, dedah sumber.

Ahli Lembaga Disiplin Umno Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas mengesahkan tidak menerima sebarang laporan terhadap 7 nama pemimpin seperti dikatakan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, bagaimanapun menjelaskan MT memiliki kuasa mutlak.

"MT berkuasa mutlak dalam perlembagaan untuk mengambil apa-apa tindakan termasuk pemecatan.

"Proses pun terpulang kepada MT. Lembaga Disiplin (LD) duduk bawah kuasa MT. Terpulang kepada MT sama ada nak guna LD atau tidak," kata Megat Najmuddin kepada The Malaysian Insider.

Tengku Adnan yang juga setiausaha agung sebelum ini mengatakan 7 nama pemimpin sedang dalam perhatian dan berdepan tindakan disiplin.

Antara nama pemimpin ialah bekas presiden Tun Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Naib Presiden Datuk Seri Shafie Apdal.

Penjelasan Megat Najmuddin menunjukkan proses tindakan disiplin ke atas 7 pemimpin Umno itu tidak perlu melalui mereka, sebaliknya MT boleh membuat keputusan sendiri tanpa merujuk kepada LD.

"Kita tak ada kuasa 'original' macam mahkamah.

"Kuasa kita datang daripada MT. Tapi kalau guna kita, adalah 'buffer' sikit. Itu sahaja," katanya

Sumber parti memberitahu The Malaysian Insider, isu tindakan disiplin terhadap 7 nama pemimpin Umno berada dalam agenda dalam mesyuarat di Parlimen namun ahli MT gagal mencapai kata sepakat.

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan ahli MT berhubung cadangan tindakan disiplin, terdapat juga yang menentang langkah itu.

"Tengku Adnan gagal mengemukakan asas dan alasan kukuh untuk mengambil tindakan terhadap 7 nama pemimpin itu.

"Terdapat ahli MT yang menentang langkah itu kerana parti sudah bergelut dengan

masalah yang timbul," kata sumber Umno kepada The Malaysian Insider.

Antara ahli MT yang mempersoalkan cadangan tindakan disiplin ialah Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, kata sumber.

Sumber memberitahu daripada 7 nama itu, hanya bukti ke atas Ketua Wanita Umno Bahagian Gopeng Datuk Hamidah Osman mempunyai asas kukuh untuk tindakan pecat diambil.

"Hanya Datuk Hamidah sahaja MT mempunyai asas kukuh, tetapi tidak 6 nama lain.

"Malah, kegagalan mengemukakan bukti yang kukuh juga menyebabkan LD tidak maklum mengenai 7 nama pemimpin Umno yang dikatakan berdepan tindakan," kata sumber.

Menurut sumber, MT Umno tidak mahu menggunakan saluran LD kerana mengetahui tidak memiliki bukti kukuh untuk mengambil tindakan ke atas mereka.

Selain itu, beberapa ahli MT juga menyatakan kebimbangan perpecahan lebih teruk akan berlaku jika tindakan diambil, malah bibit perpecahan juga sudah kelihatan dengan tindakan beberapa cawangan mengecam Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak secara terbuka.

"Terdapat ahli MT yang berkata sudah cukup dengan masalah mereka hadapi ketika ini dan tidak perlu lagi cipta lebih banyak masalah.

"Kalau diteruskan juga, ahli MT berkata masalah lebih serius akan berlaku di mana kemungkinan ramai yang akan membuat protes secara terbuka kepada Najib," kata sumber.

Selasa lalu, MT Umno yang bermesyuarat mengambil keputusan memecat Hamidah, yang juga bekas exco kerajaan negeri Perak kerana kritikkannya terhadap presiden Umno.

Terdahulu, khabar angin juga bertiup kencang Muhyiddin dan Shafie bakal berdepan tindakan disiplin parti.

Umno akan mengadakan perhimpunan agung pada 8 hingga 12 Disember, dan dijangka akan panas dengan isu-isu dan kemelut dihadapi parti pemerintah itu. – 27 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/umno-gagal-kemuka-alasan-kuh-pecat-baki-6-pemimpin-dedah-sumber>